

**IDEOLOGI KESAMARATAAN ANTARA LELAKI  
DAN WANITA BERDASARKAN PERSPEKTIF  
NAQLI DAN NEUROSAINS**

THE IDEOLOGY OF EQUALITY BETWEEN MEN AND  
WOMEN BASED ON THE PERSPECTIVES OF *NAQL* AND  
NEUROSCIENCE

***Robiatul Adawiyah Mohd<sup>\*e</sup>, Norzulaili Mohd Ghazali\*,  
Nor Azila Noh\*\*, Firdaus Mukhtar\*\*\****

\*Faculty of Quranic & Sunnah Studies.

Universiti Sains Islam Malaysia. 71800. Bandar Baru  
Nilai. Negeri Sembilan. Malaysia.

\*\*Faculty of Medicine and Health Sciences. Universiti  
Sains Islam Malaysia. 55100. Kuala Lumpur. Malaysia.

\*\*\*Department of Psychiatry. Faculty of Medicine &  
Health Sciences. Universiti Putra Malaysia. 43400.  
Serdang. Selangor. Malaysia.

Email: <sup>\*e</sup>adawiyah@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no1.10>

**Abstract**

The strife for equality between men and women is an ideology that has long been propagated by feminists. Among the equalities being propagated is women's ability to use common sense at par with men to the extent that they proclaim some of the Qur'anic verses and hadiths related to women as irrelevant. To them, the prescribed texts seem to degrade women. To dispute this ideology, the classic and also the present scholars of Islam presented arguments to disprove the notion by the feminists. However, in rebutting this ideology, arguments based on the neuroscience perspective are yet to be discovered. Therefore, this article will incorporate the arguments from the perspectives of *naqli* (the Qur'an and Hadith) and neuroscience in terms of the different aspects of male and female brain function. This study employs

qualitative methods through content analysis of Qur’anic texts, *ahadith* and neuroscience facts. The findings show that there are differences in the structure and function of the male and female brains. Consequently, there is no such ideology of equality due to the differences in the structure and function of the male and female brains that correspond to their roles and complement each other. It is hoped that this finding will enhance the public understanding that Islam glorifies women and that their obligations as caliphs on this earth are in accordance with their nature, either from the biological, psychological and emotional regards.

**Keywords:** Equality; misogynist; al-Qur’an; Hadith; neuroscience.

### **Khulasah**

Perjuangan kesamarataan antara lelaki dan wanita merupakan ideologi yang telah lama dilaungkan oleh golongan feminisme. Antara kesamarataan yang dilaungkan ialah keberdayaan wanita dalam menggunakan akal setaraf dengan kaum lelaki sehinggakan mereka mendakwa ketidakrelevanan sesetengah nas al-Qur’an mahu pun Hadith yang berkaitan dengan wanita. Bagi mereka, nas-nas ini seolah-olah menjatuhkan maruah wanita. Dalam menongkah ideologi ini, ulama Islam dahulu mahu pun kini telah mengetengahkan hujah-hujah bagi membidas anggapan feminisme ini. Walaubagaimana pun, dalam menolak ideologi ini, penghujahan berdasarkan perspektif neurosains masih belum diterokai. Justeru, artikel ini akan menggabungkan penghujahan daripada perspektif naqli (al-Qur’an dan Hadith) dan neurosains mengenai aspek perbezaan fungsi otak lelaki dan wanita. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis nas al-Qur’an, Hadith dan fakta neurosains. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan struktur dan fungsi otak lelaki dan wanita. Justeru, tidak wujud ideologi kesamarataan kerana perbezaan

struktur dan fungsi otak lelaki dan perempuan adalah sesuai dengan peranan mereka dan saling melengkapi antara satu sama lain. Diharapkan penemuan ini dapat meningkatkan pemahaman masyarakat bahawa Islam memuliakan wanita dan pentaklifannya sebagai khalifah di bumi ini bertepatan dengan fitrahnya sama ada dari sudut biologi, psikologi dan emosi wanita.

**Kata kunci:** Kesamarataan; misoginis; al-Qur'an; Hadith; neurosains.

## **Pendahuluan**

Ideologi kesamarataan antara lelaki dan wanita telah dilayangkan berdekad yang lalu. Tidak keterlaluan jika dikatakan ia merupakan salah satu daripada agenda pemikiran Barat.<sup>1</sup> Ia mula diserap masuk ke dalam pemikiran umat Islam oleh golongan yang menganggap bahawa Islam juga membawa kesamarataan yang sama sebagaimana yang diuar-uarkan oleh Barat.<sup>2</sup> Walhal hakikatnya kesamarataan yang dibawa Islam sama sekali berbeza daripada ideologi kesamarataan yang dibawa oleh Barat. Momokan ideologi ini meninggalkan kesan negatif terhadap pemikiran sebahagian umat Islam hinggalah masih ada yang menganggap kesamarataan Barat dan Islam adalah sama.

Rentetan daripada ideologi ini, apa sahaja intipati syariat yang berunsur misoginis akan ditafsirkan semula selari dengan pemahaman mereka. Hak kesaksian, kepimpinan, dan beberapa hukum hakam dalam Islam diolah pemahamannya sesuai dengan pendirian ideologi ini. Kesannya, sepertimana yang dapat dilihat hari ini, ideologi kesamarataan mendapat sambutan meluas dalam

---

<sup>1</sup> Lukman Harees, *The Mirage of Dignity on the Highways of Human 'Progress': The Bystanders' Perspective* (Bloomington: Author House UK, 2012), 545.

<sup>2</sup> M. Hajir Mutawakil, "Keadilan Islam dalam Persoalan Gender," *Jurnal Kalimah: Jurnal of Religious and Thoughts* 12(1) (2014): 68-69.

kalangan umat Islam. Malah mereka menuntut agar hukum syariat sedia ada diterjemahkan semula dengan memberi hak yang sama rata kepada lelaki dan wanita.<sup>3</sup> Secara keseluruhannya, ideologi kesamarataan lelaki dan wanita yang dilaungkan tertumpu kepada dua aspek utama, iaitu emosi dan akal. Justeru, penolakan ideologi ini juga perlu dibincang perbahasannya berdasarkan dua aspek ini juga.

Kajian menunjukkan pendirian dan penghujahan pendokong ideologi ini ditolak oleh ulama silam dan kontemporari dengan mengetengahkan hujah daripada dalil naqli dan aqli.<sup>4</sup> Selain daripada penghujahan ulama silam dan kontemporari, perkembangan dunia sains dan teknologi turut memberi sumbangan dalam memahami syariat Islam.<sup>5</sup> Dengan sains dan teknologi, rahsia penetapan syariat bagi segala perintah dan larangan Allah SWT dapat dibuktikan secara ilmiah, sekaligus menjawab dakwaan songsang berkaitan kesucian syariat Islam. Ia membuka dimensi baharu mukjizat Ilahi menerusi penerokaannya dalam pelbagai bidang yang tidak mampu dikaji melainkan dengan menggunakan alat berteknologi tinggi. Justeru, dalam hal berkaitan wanita dan lelaki, pendekatan ilmiah daripada bidang neurosains berasaskan *scientific based* perlu diketengahkan sebagai hujah penolakan ideologi kesamarataan ini.

---

<sup>3</sup> Norzulaili Mohd Ghazali, Robiatul Adawiyah Mohd, Mohd Zohdi Mohd Amin, "Gerakan Pejuang Hak Wanita dan Metodologinya dalam Memahami Quran dan Sunnah: Kajian Terhadap Pertubuhan Sisters in Islam," Laporan Penyelidikan USIM PPPP (D), 2006, 78; Abdussalam Muhammad Shukri, "Sisters In Islam's Quest for the Reinterpretation of the Qur'an and Hadith: An Analysis of Their Views on Equality, Women Judges, and Polygamy," *Jurnal Kajian Malaysia* 32(1) (2014), 55–80.

<sup>4</sup> Norzulaili et al., "Gerakan Pejuang Hak Wanita," 64.

<sup>5</sup> Muhammad 'Abd al-'Azim al-Zarqani, *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, 1988), 25-26.

Justeru, makalah ini cuba menggabungkan penghujahan daripada aspek naqli (perbahasan al-Qur'an dan Hadith) dan neurosains dalam mematahkan kesahihan dakwaan ideologi kesamarataan antara lelaki dan wanita. Bagi menolak ideologi ini, penghujahan tertumpu kepada dua aspek iaitu akal dan emosi.

### **Kesamarataan antara Lelaki dan Wanita dalam al-Qur'an dan Hadith**

Islam tidak membezakan kedudukan antara lelaki dan wanita. Dalam Islam, hanya iman, taqwa dan amal soleh sahaja yang menjadi ukuran kemuliaan seseorang individu dan bukanlah berasaskan gender. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hujurat 49:13:

يَتَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ  
وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ  
عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Terjemahan: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu..."

Di samping itu, penciptaan lelaki dan wanita menurut pandangan al-Qur'an dan sunnah adalah untuk meneruskan tugas khalifah di dunia mengikut prinsip yang ditetapkan iaitu beriman kepada Allah SWT, bertaqwa dan mengerjakan amal kebaikan ikhlas keranaNya. Justeru, wanita adalah sama dengan kaum lelaki dalam prinsip kemanusiaan dan juga dalam hal pahala dan dosa sesuai

dengan amalan perbuatan mereka<sup>6</sup>. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl 16:97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ  
فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ  
مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Terjemahan: "Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka Sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan."

Malah, menurut al-Sha'rawi dalam menafsirkan ayat di atas bahawa prinsip kesamarataan antara lelaki dan wanita dalam pemberian pahala adalah setara. Ini dapat disaksikan dalam perjanjian *Bay'ah al-'Aqabah* di mana Allah SWT mengiktiraf penglibatan wanita dalam perjanjian tersebut, walaupun kebiasaan masyarakat Arab jahiliyyah menolak penglibatan wanita dalam perkara besar seperti perjanjian ini. Mereka yang mengikuti prinsip ini, Allah SWT menjanjikan kehidupan yang baik di dunia dan syurga di akhirat kelak.<sup>7</sup> Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa setiap amalan yang berdasarkan

---

<sup>6</sup> Berdasarkan tafsiran surah al-Hujurat: 49:13; al-Nahl: 16:97; al-Nisa': 4: 32. Lihat Muhammad al-Tahir Ibn 'Ashur, *al-Tahrir wa al-Tanwir* (Tunisia: Dar al-Tunisiyyat li al-Nashr) 26:261 & 14:273; Ahmad bin Mustafa al-Maraghi, *Tafsir al-Maraghi* 14 (Mesir: Shirkat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babi al-Halabi, 1946), 138; Abu Muhammad al-Husayn bin Mas'ud al-Baghawi, *Ma'alim al-Tanzil fi Tafsir al-Qur'an* 1, tahqiq, 'Abd Razzaq al-Mahdi (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.t.), 608; Muhammad Mutawalli al-Sha'rawi, *Tafsir al-Sha'rawi al-Khawatir* (Kaherah: Matabi' Akhbar al-Yawm, 1997), 3:8194-8195.

<sup>7</sup> Al-Sha'rawi, *Tafsir al-Sha'rawi* 3, 8194-8195.

petunjuk al-Qur'an dan sunnah akan dinilai tanpa menjadikan jantina sebagai kayu pengukur.

Rasulullah SAW juga turut memperingatkan bahawa kaum wanita juga sama mulia seperti kaum lelaki serta tidak ada perbezaan dari segi layanan terhadap mereka. Diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Barang siapa diuji dalam pengasuhan anak-anak perempuan, lalu ia dapat mengasuh mereka dengan baik, maka anak perempuannya itu akan menjadi penghalangnya dari api neraka kelak."<sup>8</sup>

Atas dasar bahawa manusia tidak dinilai berdasarkan gender, Islam telah memberi hak yang sama kepada kaum lelaki dan wanita dalam bidang agama, ekonomi dan sosial mengikut peranan masing-masing. Dengan ini wanita dapat berperanan di dalam masyarakat, berinteraksi dalam kelompok kecil mahupun besar sama ada sebagai pemimpin atau orang yang dipimpin. Walaubagaimana pun, terdapat perbezaan karakter di antara lelaki dan wanita. Perbezaan inilah yang menjadi pelengkap di antara satu sama lain. Malah tiada pertindihan atau konflik peranan di antara keduanya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' 4:32:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ  
لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا<sup>ط</sup> وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ  
مِّمَّا كَسَبْنَ<sup>ع</sup> وَسَأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ  
بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٣٢﴾

Terjemahan: Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia

---

<sup>8</sup> Muslim bin al-Hajjaj, "Sahih Muslim," Kitab Berbuat baik, Menyambut Silaturahmi dan Adab, Bab Keutamaan Berlaku Baik Kepada Anak Perempuan, no. Hadith 2629, <https://dorar.net/hadith/sharh/9118>

yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (Kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusaha kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Nas di atas jelas menunjukkan bahawa lelaki dan perempuan memiliki peranan yang berbeza di mana ia saling melengkapkan antara satu sama lain. Menurut Hamka segala amal besar dalam masyarakat adalah hasil gabungan perpaduan kerja kasar lelaki dan kerja halus perempuan.<sup>9</sup> Oleh yang demikian, golongan yang membawa ideologi kesamarataan antara lelaki dan wanita adalah bertentangan dengan fitrah kejadian manusia dan syariat Islam.

Kesimpulannya, wanita dan lelaki adalah bersaudara, berasal dari keturunan yang sama. Ini menjadikan status wanita dan lelaki adalah sama. Tidak ada pihak yang berhak mendakwa dirinya lebih mulia, sedangkan pihak yang lain berada dalam kelas kedua.

### **Kemunculan Ideologi Kesamarataan oleh Feminisme Islam**

Ideologi kesamarataan antara lelaki dan wanita atau kesetaraan gender merupakan antara beberapa istilah yang merujuk kepada perjuangan ideologi yang sama, iaitu untuk menuntut kesamarataan hak antara lelaki dan

---

<sup>9</sup> Hamka, *Tafsir al-Azhar* 4 (Batu Caves: PTS Publishing Bhd, 2017), 256.



wanita.<sup>10</sup> Kemunculan ideologi seperti ini, lazimnya didasari oleh pemahaman feminisme, yang mana kemudiannya menular kepada faktor-faktor lain seperti pemahaman berorientasikan seksual dan sebagainya.<sup>11</sup>

Awalnya, ideologi seumpama ini muncul di Barat dengan membawa slogan perjuangan hak wanita, di mana mereka merasakan kedudukannya ditindas sama ada dalam aspek agama, sosial, ekonomi, politik, budaya dan selainnya.<sup>12</sup> Ideologi yang dibawa ini jauh daripada penghayatan Islam dan fitrah penciptaan lelaki dan wanita. Walau bagaimanapun, akhirnya ideologi ini berjaya mempengaruhi pemikiran orang Islam seperti penubuhan Sisters in Islam (SIS) di Malaysia serta Rahima dan Institut Fahmina di Indonesia. Antara feminis yang memperjuangkan gerakan ini secara aktif adalah Fatima Mernissi<sup>13</sup>, Amina Wadud<sup>14</sup>, dan Siti Musdah Mulia.<sup>15</sup>

---

<sup>10</sup> Pamela Sue Anderson, *A Feminist Philosophy of Religion: The Rationality and Myths of Religious Belief* (Oxford: Blackwell Publishers, 1998), 6; Husein Muhammad KH., *Dawrah Fiqh Perempuan Modul Kursus Islam dan Gender* (Cirebon: Fahmina Institute, 2006), 4-5, 76, 81, 83, 84.

<sup>11</sup> Borgatta E. F. & Montgomery R. J. V, *Encyclopedia of Sociology 2* (New York: Macmillan Reference, 2000), 1057.

<sup>12</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim, "Persoalan Gender di Dalam Perundangan Islam di Malaysia: Suatu Analisis Ringkas.," *Wanita dan Perundangan Islam*, ed., Raihanah Abdullah (Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd., 2001), 2.

<sup>13</sup> Fatima Mernissi merupakan individu yang lantang menyuarakan bahawa wujudnya unsur kebencian terhadap wanita dalam Hadith Rasulullah. Fatima Mernissi, *Women and Islam: An Historical and Theological Enquiry* (Oxford: Basil Blackwell, 1991), 49.

<sup>14</sup> Amina Wadud dilahirkan di Bethesda, Maryland, Amerika Syarikat pada tahun 1952. Beliau dilahirkan sebagai orang berkulit hitam yang mengalami diskriminatif dan hidup dalam kemiskinan. Memperjuangkan 'jihad gender', dalam usaha memperjuangkan kesamarataan antara lelaki dan wanita. Amina Wadud, *Qur'an and Woman: Reading the Secred Text from a Woman's Perspective* (New York: Oxford University Press, 1999), x.

<sup>15</sup> Siti Musdah Mulia dilahirkan di Bone, Sulawesi Selatan pada 3 Mac 1958. Beliau adalah seorang aktivis wanita, peneliti, kaunselor, dan

## **Penolakan Ideologi Kesamarataan: Perbezaan Akal antara Lelaki dan Wanita**

Antara kesamarataan yang dilaungkan ialah kapasiti wanita dalam menggunakan akal adalah setaraf dengan kaum lelaki. Rentetan daripada itu, golongan ini menolak beberapa perkara yang telah ditetapkan oleh Islam dan mendakwa bahawa Islam menjatuhkan kedudukan dan maruah wanita. Berikut adalah beberapa isu yang diketengahkan oleh golongan ini dan hujah penolakannya berdasarkan perspektif naqli dan neuro sains.

### **Isu dan Hujah Feminisme Islam**

#### **i. Wanita Menjadi Rasul dan Pemimpin**

Golongan yang memperjuangkan ideologi kesamarataan mendakwa bahawa:

- a. Rasul tidak dikhususkan kepada kaum lelaki sahaja tetapi sebaliknya dibataskan kepada segolongan individu luar biasa.<sup>16</sup> Pernyataan al-Qur'an bahawa para rasul adalah dalam kalangan lelaki sekadar untuk menjelaskan bahawa mereka adalah manusia, bukannya malaikat (Surah al-Anbiya' 21:7-8).<sup>17</sup>

---

penulis di bidang keagamaan (Islam) di Indonesia. Terkenal sebagai salah seorang feminis yang berani berbicara. Beliau pernah mengatakan bahawa, "Allah hanya melihat taqwa, bukan orientasi seksual manusia". Menurut beliau, setiap manusia, apapun orientasi seksualnya sangat potensial untuk menjadi soleh. Siti Musdah Mulia, "Allah hanya Melihat Taqwa, bukan Orientasi Seksual Manusia," *Jurnal Perempuan* 58 (2008), 122-127.

<sup>16</sup> Puteri Islam, *Adakah Wanita dan Lelaki Saksama di Sisi Allah?* (Kuala Lumpur: SIS Forum Malaysia Bhd, 1991), 5-6.

<sup>17</sup> Terjemahan: "Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelumnya (wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka (bukan malaikat); maka bertanyalah kamu kepada Ahluzzikri jika kamu tidak mengetahui. (7) Dan Kami tidak menjadikan Rasul-rasul itu bertubuh badan yang tidak makan minum, dan mereka pula tidak akan kekal hidup selama-lamanya (di dunia)."

- b. Kepercayaan hanya lelaki yang boleh menjadi pemimpin adalah karut. Ini kerana tiada satu pun ayat di dalam al-Qur'an mahu pun Hadith yang menyatakan bahawa wanita tidak boleh atau tidak dibenarkan menjadi pemimpin.<sup>18</sup> Justeru, wanita juga boleh menjadi pemimpin berdasarkan kepada mutu kepimpinan Ratu Balqis, Raja Negeri Saba.

Mutu kepimpinan Ratu Balqis sebagai pemimpin yang baik tidaklah diukur dari segi jantinya, tetapi dari segi kemampuannya memenuhi tuntutan jawatan, kemahiran politik, kemurniaan takwa dan kebijaksanaan yang mantap. Prinsip yang digunakan di sini adalah prinsip orang yang paling sesuai untuk memenuhi tuntutan kepimpinan yang baik dan berkesan. Jika seseorang wanita itu berkelayakan dan paling sesuai untuk menyempurnakan sesuatu tugas, maka tidaklah terdapat sebarang ayat al-Qur'an yang menghalangnya daripada melaksanakan tugas tersebut semata-mata atas alasan jantinya.<sup>19</sup> Ini dinyatakan di dalam al-Qur'an dalam surah al-Nahl 27: 23:

إِنِّي وَجَدْتُ أُمَّرَأَةً تَمْلِكُهُمْ وَأُوتِيَتْ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ  
وَلَهَا عَرْشٌ عَظِيمٌ ﴿٢٣﴾

Terjemahan: "Sesungguhnya aku dapati seorang perempuan memerintah mereka dan ia telah diberikan kepadanya (serba sedikit) dari tiap-tiap sesuatu (yang diperlukan) dan ia pula mempunyai singgahsana yang besar."

---

<sup>18</sup> Puteri Islam, *Adakah Wanita dan Lelaki Saksama*, 5-6.

<sup>19</sup> *Ibid.*

## ii. Isu Wanita Menjadi Saksi

Wanita boleh menjadi saksi berdasarkan ayat al-Qur'an mengenai kesaksian dalam urusan hutang yang mensyaratkan dua orang saksi lelaki yang boleh dipertanggungjawabkan, atau pun seorang lelaki dan dua orang Wanita. Hal ini dijelaskan dalam surah al-Baqarah 2:282:

فَإِنْ لَّمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّنْ  
تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ  
إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى

Terjemahan: "Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika salah seorang daripada wanita tersebut tersilap, maka yang satu lagi boleh membantu mengingatkannya bagi setiap urusan perdagangan dan perjanjian bertulis."

Malah Hadith *naqisat 'aql wa din* juga turut didakwa mempunyai unsur misoginis.<sup>20</sup> Kedua nas ini menjadi

---

<sup>20</sup>Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Wahai kaum wanita, bersedekahlah kalian dan perbanyaklah istigfar (memohon ampun). Kerana aku melihat kalian lebih banyak menjadi penghuni neraka." Seorang wanita yang cerdik di antara mereka bertanya: "Wahai Rasulullah, kenapa kaum wanita yang lebih banyak menjadi penghuni neraka?" Rasulullah menjawab: "Kalian banyak mengutuk dan mengingkari kebaikan suami. Aku tidak melihat kurangnya akal dan agama yang lebih menguasai manusia dari kalian." Wanita itu bertanya lagi: "Wahai Rasulullah, apakah kekurangan akal dan agama itu?" Rasulullah menjawab: "Yang dimaksud dengan kurang pada akal adalah kerana dua orang saksi wanita sama dengan seorang saksi laki-laki. Ini adalah kekurangan akal. Wanita menghabiskan waktu malamnya tanpa mengerjakan solat dan tidak puasa di bulan Ramadan (kerana haid), ini adalah kekurangan pada agama." Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, Bab

pertikaian oleh golongan yang mendakwa ianya mempunyai unsur misoginis.

Kenyataan yang terdapat dalam ayat al-Qur'an dan Hadith tersebut telah diputarbelitkan oleh golongan ini dengan menyatakan bahawa saksi wanita pada prinsipnya adalah sama dengan lelaki, dan setiap orang mesti dinilai menurut kebolehan intelek dan moral masing-masing dalam setiap kes. Oleh yang demikian, tafsiran bahawa kenyataan seorang wanita yang dianggap kurang dipercayai berbanding dengan kenyataan seorang lelaki kerana kaum wanita kurang berpengalaman dari segi urusan kewangan, seharusnya dihadkan kepada konteks sosio-sejarah itu sahaja. Pada zaman moden ini, ketika para wanita telah berpelajaran tinggi dan terlibat dalam bidang perniagaan dan kewangan, perintah tersebut perlulah ditafsirkan kembali. Nilai yang tersirat di sebalik perintah tersebut adalah bahawa keadilan hendaklah dilaksanakan. Dalam keadaan para wanita telah mempunyai taraf pendidikan yang sama dengan lelaki dan kemahirannya dalam bidang perniagaan sama seperti lelaki, maka tidak ada sebab mengapa keterangan yang diberi oleh wanita tidak sama nilainya dengan keterangan yang diberikan oleh seorang lelaki.<sup>21</sup>

## Hujah berdasarkan Perspektif Naqli

### a. Isu Wanita Menjadi Rasul dan Pemimpin

Difahami secara sarif daripada surah al-Anbiya' ayat 7 bahawa para rasul terdiri daripada kalangan lelaki sahaja. Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِي إِلَيْهِمْ فَسْأَلُوا  
أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٧﴾

---

Bayan Nuqsan al-Iman binaqsi al-Ta'at, No. Hadith: 132 (Riyadh: Dar al-Salam, 1419H), 79.

<sup>21</sup> Puteri Islam, *Adakah Wanita dan Lelaki Saksama?*, 9-10.

Terjemahan: "Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka (bukan malaikat); maka bertanyalah kamu kepada ahli zikir jika kamu tidak mengetahui."

Firman Allah ini jelas menyebut perkataan "*rijalan*" adalah hujah bahawa para rasul yang diutus oleh Allah SWT ke dunia, semenjak Adam a.s. sehingga kepada nabi Muhammad SAW semuanya adalah lelaki. Golongan yang melaungkan kesamarataan mentafsirkan ayat ini secara literal dan mendakwa bahawa rasul mesti dalam kalangan manusia dan bukan malaikat. Bertitik tolak daripada pemahaman ini feminisme berpendirian wanita juga boleh menjadi rasul.

Menurut ahli tafsir seperti Ibn Kathir,<sup>22</sup> al-Razi,<sup>23</sup> dan Wahbah al-Zuhayli<sup>24</sup> bahawa ayat ini menjelaskan perlantikan rasul dari kalangan manusia, lelaki, dan bukan malaikat. Walaupun tafsiran ini tidak menyebut secara terang-terangan mengenai kedudukan wanita sebagai rasul, namun harus difahami bahawa majoriti ahli tafsir sepakat mengatakan para rasul adalah dalam kalangan lelaki berdasarkan nas daripada al-Qur'an. Imam al-Qurtubi dalam kitabnya *al-Fasl fi al-Milal* tuntasnya menegaskan bahawa tiada perutusan nabi dalam kalangan perempuan secara mutlak.<sup>25</sup> Selain itu, Allah SWT menyebut bahawa rasul bukan dalam kalangan lelaki

---

<sup>22</sup> Abi al-Fida' Isma'il bin Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* 3, ed. 'Abd al-Qadir 'Arnaut (Riyadh: Dar al-Salam, 1994), 234.

<sup>23</sup> Muḥammad Fakhr al-Din al-Razi, *Tafsir al-Kabir* 8 (Beirut: Dar al-Fikr, 2005), 4654-4655.

<sup>24</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Tafsir al-Munir: Fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj* 7 (Beirut: Dar al-Fikr, 1991), 19-21.

<sup>25</sup> Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Hazm al-Andalusi al-Qurtubi, *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal* (Kaherah: Maktabah al-Khanji, t.t.) 5:12.

badwi, yang tidak cerdik atau kurang cerdas akalunya.<sup>26</sup> Bahkan rasul dilantik daripada kalangan lelaki bandar yang tajam pemikirannya. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf 12:109:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحَىٰ إِلَيْهِمْ مِنْ  
أَهْلِ الْقُرَىٰ ۗ

Terjemahan: "Dan tiadalah Kami mengutus Rasul - sebelummu (wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki dari penduduk bandar, yang Kami wahyukan kepada mereka."

Huraian di atas jelas menunjukkan bahawa rasul hanya dilantik dalam kalangan lelaki sahaja dan catatan sejarah turut membuktikan, tiada seorang pun rasul dalam kalangan wanita. Secara logiknya, sekiranya wanita boleh menjadi rasul, nescaya Allah SWT telah utuskan kepada manusia rasul wanita walaupun seorang kerana Allah SWT yang mencipta manusia. Justeru, Allah Maha mengetahui kelayakan dan kesanggupan hambaNya dalam melaksanakan sesuatu perintah. Dalam hal perantikan rasul, Allah telah menentukan bahawa pelaksana tugas ini adalah lelaki. Rasul bertindak sebagai pembimbing ummah ke jalan kebenaran dan petunjuk. Tugas dan tanggungjawab rasul amat berat dan mencabar kerana kebiasaannya setiap rasul mendapat tentangan hebat daripada kaumnya sendiri. Firman Allah SWT surah al-Baqarah 2:87:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِنْ بَعْدِهِ  
بِالرُّسُلِ ۗ وَءَاتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْبَيِّنَاتِ وَأَيَّدْنَاهُ  
بِرُوحِ الْقُدُسِ ۗ أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَىٰ

---

<sup>26</sup> Al-Razi, *Tafsir al-Kabir* 6, 3858.

أَنْفُسِكُمْ أَصْغَرْتُمْ فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقًا  
تَقْتُلُونَ

Terjemahan: “Dan Sesungguhnya Kami telah memberikan kepada Nabi Musa Kitab Taurat, dan Kami iringi kemudian daripadanya dengan beberapa orang Rasul, dan Kami berikan kepada Nabi Isa Ibni Maryam beberapa mukjizat serta Kami teguhkan kebenarannya dengan Ruhul-Qudus (Jibril). Maka patutkah, tiap-tiap kali datang kepada kamu seorang Rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombong takbur (menolaknyanya), sehingga sebahagian dari Rasul-rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya?”

Ini menggambarkan betapa berat dan mencabarnya tugas seorang rasul. Ia tidak sesuai untuk kaum wanita kerana mereka mempunyai ciri fizikal yang lemah. Ketetapan Ilahi pada asal penciptaan ini mempengaruhi tabiat dan bidang tugas wanita, sekaligus membezakan mereka dengan lelaki. Kepemimpinan wanita terhad dan terbatas serta ia tidak mencakupi kepimpinan yang memerlukan tenaga yang kuat, ketahanan jiwa yang mantap dan komitmen yang berterusan.<sup>27</sup>

Manakala dalam isu kepemimpinan wanita pula, surah al-Naml 27:23 sering dijadikan hujah bagi mereka yang berpendirian wanita boleh menjadi pemimpin termasuklah pemimpin atasan sesebuah negara. Firman Allah SWT dalam surah al-Naml 27:23:

---

<sup>27</sup> Norzulaili et al., “Gerakan Pejuang Hak Wanita,” 95.



إِنِّي وَجَدْتُ أُمَّرَأَةً تَمْلِكُهُمْ وَأُوتِيَتْ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ  
وَلَهَا عَرْشٌ عَظِيمٌ ﴿٢٣﴾

Terjemahan: "Sesungguhnya aku dapati seorang perempuan memerintah mereka dan dia telah diberikan kepadanya (serba sedikit) dari tiap-tiap sesuatu (yang diperlukan) dan dia pula mempunyai singgahsana yang besar."

Terdapat beberapa pandangan ulama dalam isu kepimpinan wanita, di mana ada yang melarangnya secara mutlak, ada yang menerimanya secara mutlak dan ada yang menerimanya dengan syarat. Di antara ulama kontemporari yang berpendirian menerimanya dengan syarat ialah Yusuf al-Qardawi.<sup>28</sup> Al-Qardawi menyatakan bahawa isu hukum kepimpinan wanita adalah isu *furu'* yang boleh berubah menurut peredaran zaman. Apa yang penting adalah syarat kemampuan daripada pelbagai sudut tanpa menjadikan jantina sebagai punca perbezaan utama dan kelayakan.<sup>29</sup>

Antara syarat tersebut ialah: (i) Tiada pemimpin lelaki yang lebih layak untuk menyandang jawatan tersebut pada ketika tersebut; (ii) Mereka tidak gagal dalam mentadbir anak-anak. Dengan itu umur sekitar 45 tahun ke atas adalah umur yang sesuai; (iii) Pemimpin wanita tersebut mestilah tidak membuat keputusan secara peribadi dalam memutuskan hal-hal besar negara, bahkan perlu membuat keputusan secara kolektif dan syura bersama pemimpin pelbagai peringkat; (iv) Wanita yang terlibat dalam hal kepimpinan sudah tentu akan berlaku percampuran yang banyak dengan kaum lelaki maka, menjadi kewajipan baginya untuk memelihara adab-adab

---

<sup>28</sup> Yusuf al-Qardawi, *Min Fiqh al-Dawlah* (Mesir: Dar al-Shuruq, 2005), 217-241.

<sup>29</sup> *Ibid.*, 223-239.

Islam semasa keluar rumah seperti menutup aurat dengan sempurna.

Imam al-Mawardi<sup>30</sup> pula menjelaskan bahawa jawatan seperti Perdana Menteri dan menteri ketenteraan adalah tidak dibolehkan bagi wanita serta tidak sesuai dengan kemampuan sifat mereka terutama apabila melibatkan ketenteraan. Kesimpulannya, ulama berselisih pendapat mengenai hukum wanita menjadi pemimpin secara amnya dan pemimpin atasan sesebuah negara secara khususnya. Walaupun terdapat pendapat yang mengizinkan wanita menjadi pemimpin, ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian sebelum menjalankan perlantikan tersebut.<sup>31</sup>

#### **b. Isu Wanita Menjadi Saksi**

Dalam isu kesaksian, feminisme mendakwa bahawa bilangan dua orang saksi wanita sudah tidak relevan dipraktikkan di era ini. Persoalannya di sini, adakah hukum al-Qur'an hanya sesuai dipraktikkan pada zaman tertentu sahaja? Bukankah syariat Islam bersifat universal, sesuai diamalkan sepanjang zaman?

Ayat hutang yang melibatkan kesaksian dua orang wanita dalam surah al-Baqarah ayat 282 adalah hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Ulama tafsir, antaranya Ibn Kathir<sup>32</sup> dan al-Razi<sup>33</sup> mengatakan bahawa perintah mendatangkan saksi adalah bertujuan untuk memberi lebih jaminan terhadap butiran hutang yang dicatit. Peranan saksi amat diperlukan lebih-lebih lagi tatkala berlakunya perselisihan mengenai maklumat yang dicatit.

---

<sup>30</sup> Abi al-Hasan 'Ali bin Habib al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*, ed. Ahmad Mubarak al-Baghdadi (Kuwayt: Maktabah Dar Ibn Qutaybah, 1989), 36.

<sup>31</sup> Norzulaili et al., "Gerakan Pejuang Hak Wanita," 97-98.

<sup>32</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* 1, 724-725.

<sup>33</sup> Al-Razi, *Tafsir al-Kabir* 3, 1489-1490.

Menurut al-Razi, hikmah bilangan dua orang saksi wanita berkait rapat dengan sifat semulajadi (tabiat) wanita itu sendiri yang agak pelupa. Ini kerana wanita memiliki lebih kandungan *bard* (sejuk) dan *rutubah* (kelembapan) berbanding lelaki. Lebih kandungan ini menyebabkan wanita lebih cepat lupa berbanding lelaki.<sup>34</sup> Selain itu, Wahbah al-Zuhayli menegaskan bahawa hikmah atau 'illah ketetapan dua orang saksi perempuan telah dijelaskan di dalam ayat yang sama iaitu<sup>35</sup>:

أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى .

Terjemahan: Jika salah seorang saksi wanita itu lupa maka saksi yang seorang lagi boleh mengingatkannya.

Justeru, dapat difahami bahawa justifikasi dua saksi perempuan adalah merujuk kepada *al-tadhkir* iaitu daya ingatan, dan hukum ini kekal sedemikian rupa walaupun berlaku perubahan zaman. Ibn Kathir pula menyebut bahawa keperluan kepada dua orang saksi wanita menunjukkan bahawa kemampuan daya ingatan wanita tidak sekuat lelaki.<sup>36</sup> Hal ini ditegaskan oleh Hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Muslim (*hadith naqisat* 'aql wa din) yang telah disebutkan sebelum ini.<sup>37</sup>

---

<sup>34</sup> Al-Rāzi, *Tafsir al-Kabir* 3, 1489.

<sup>35</sup> Al-Zuhayli 3, 110-111.

<sup>36</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* 1, 724.

<sup>37</sup> Hadith *naqisat* 'aql wa din jelas menyebut bahawa wanita kurang kemampuan daya ingatan (akal). Rujuk Hadith riwayat Imam Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, *Bab Bayan Nuqsan al-Iman bi Naqs al-Ta'at*, no. Hadith: 132 (79) (Riyadh: Dar al-Salam, 1419H), 79. Oleh kerana itu kesaksian dua orang wanita menyamai saksi seorang lelaki. Namun begitu, kekurangan daya ingatan ini bukan kekurangan secara mutlak dan hakiki. Ia bukan bermakna tiada wanita yang lebih pintar atau berwibawa berbanding lelaki, tetapi kebiasaannya lelaki melebihi wanita dalam hal ini. Kita akui dalam sesetengah keadaan wanita jauh lebih cemerlang berbanding lelaki. Rujuk Norzulaili et al., "Gerakan Pejuang Hak Wanita," 102-103.

Justeru, ketetapan dua orang saksi wanita bukanlah menafikan kesempurnaan akal wanita secara mutlak, tetapi ketetapan ini kembali kepada sifat semujadi kebanyakan wanita. Allah SWT yang mencipta manusia amat mengetahui keadaan ini. Dan hukum yang terdapat di dalam ayat 2:282 ini tidak dinasakahkan oleh mana-mana ayat lain mahupun Hadith, maka hukumnya masih terpakai sampai bila-bila. Kesimpulannya, bukan semua wanita zaman dahulu tidak cerdik dan bukan semua wanita pada zaman ini bijak dan pintar. Justeru, sangkkaan bahawa wanita pada zaman ayat 2:282 diturunkan tidak sehebat wanita di era ini sama sekali tidak benar. Hakikatnya, akal wanita bukan lemah tetapi agak kurang pada aspek ingatan berbanding lelaki. Akal wanita kuat dan sempurna, tetapi akal lelaki lebih kuat dan lebih sempurna sesuai dengan peranan masing-masing.


### **Hujah Berdasarkan Perspektif Neurosains**

Kajian saintifik menggunakan alat *functional magnetic resonance imaging* (fMRI) dan *positron emission tomography* (PET) menunjukkan terdapat perbezaan struktur dan fungsi otak di antara lelaki dan wanita. Secara puratanya, kajian oleh Ruigrok<sup>38</sup> menunjukkan saiz otak lelaki adalah 8-13% lebih besar dari wanita. Secara terperinci struktur otak lelaki yang relatifnya lebih besar adalah seperti saiz intrakranial (12%), serebrum (10%), jisim kelabu (9%), serebelum (9%) dan cecair serebrospinal (11.5%). Saiz struktur otak yang lebih besar menyebabkan lelaki mempunyai potensi fungsi otak yang melebihi wanita sekiranya seluruh potensi otak digunakan. Rajah 1 di bawah menjelaskan perbezaan saiz otak lelaki dan wanita.<sup>39</sup>

---

<sup>38</sup> Ruigrok et al, "A Meta-analysis of Sex Differences in Human Brain Structure," *Neuroscience and Biobehavioural Reviews* 39 (2014), 34-50.

<sup>39</sup> Eileen Luders, Christian Gaser, Katherine L. Narr and Arthur W. Toga, "Why Sex Matters: Brain Size Independent Differences in



Rajah 1 Perbezaan saiz otak lelaki dan perempuan

Namun di zaman moden dengan sistem pendidikan yang samarata tidak kira jantina, kebolehan wanita untuk bersaing dengan kaum lelaki menjadikan tiada rekstriksi dari sudut teknikal. Terdapat perbezaan isipadu dan kepadatan tisu struktur yang penting untuk fungsi kognitif seperti memori dan emosi iaitu amygdala, hippocampus dan insula. Kajian Bell<sup>40</sup> membuktikan lelaki lebih cekap di dalam ujian memori (*working memory task*) dan ujian fokus dan melibatkan lokasi (*spatial attention task*). Namun begitu, kebanyakan kajian terbaru menunjukkan tiada perbezaan di antara kelebihan subjek lelaki dan wanita untuk ujian kognitif oleh Ruigrok.<sup>41</sup>

Di antara lelaki dan wanita terdapat perbezaan dari sudut endokrin seperti hormon. Hormon yang berbeza kadar dominasinya menyebabkan terdapat perbezaan yang ketara dari sudut proses selular, molekular, dan fungsi

---

Gray Matter Distributions between Men and Women," *Journal of Neuroscience* 29(45) (2009), 14265-14270, <https://doi.org/10.1523/JNEUROSCI.2261-09.2009>

<sup>40</sup> Bell et al., "Males and Females Differ in Brain Activation during Cognitive Tasks," *Neuroimage* 30(2) (2006), 529-538.

<sup>41</sup> Ruigrok, "A Meta-analysis," 39, 34-50.

otak lelaki dan wanita.<sup>42</sup> Perbezaan neural dan fungsi tingkahlaku melibatkan perangai (mood), emosi, fungsi kognitif, koordinasi motor dan sensori, regulasi tekanan darah, sensitiviti pada sakit, dan ketagihan. Hormon estrogen pada wanita mempengaruhi fungsi ekstrapituitari otak seperti memori dan pembelajaran, perlindungan neural atau saraf, regulasi kardiovaskular, sensitiviti terhadap kesakitan dan ketagihan, serta skil motor halus dan koordinasi. Hormon estrogen melindungi wanita dari serangan penyakit strok, Alzheimer dan Parkinson. Namun begitu, wanita adalah lebih berisiko untuk menghadapi penyakit seperti kemurungan dan *anorexia nervosa*.<sup>43</sup> Lelaki pula berisiko tinggi untuk menghadapi penyakit yang melibatkan kebolehan bahasa dan perhatian seperti *autism*, *attention deficit hyperactive disorder* (ADHD), gagap, *dyslexia* dan sindrom *Tourette*. Perbezaan fungsi endokrin di antara lelaki dan wanita disebabkan interaksi biologikal dan persekitaran kepada pembangunan otak.<sup>44</sup>

Berdasarkan perbezaan dari sudut struktur, fungsi dan endokrin adalah jelas bahawa lelaki dan wanita mempunyai kebolehan dan keupayaan tersendiri. Namun begitu faktor *nature versus nurture* perlu diberikan penekanan.<sup>45</sup> Fungsi biologi atau genetik sahaja tidak mempengaruhi kebolehpayaan seseorang secara mutlak, namun faktor persekitaran, pendidikan dan asuhan ibubapa dan guru memainkan faktor sama penting di dalam membentuk kebolehan seseorang.

---

<sup>42</sup> Milner T.A Mc Ewen B.S, "Understanding the Broad Influence of Sex Hormones and Sex Differences in the Brain", *Journal of Neuroscience Research* 95 (2017), 24-39.

<sup>43</sup> Ruigrok, "A Meta-analysis," 34-50.

<sup>44</sup> *Ibid.*, 34-50.

<sup>45</sup> Biemiller A. Meichenbaum D., *The Nature and Nurture of the Self-Directed Learner: The Evolution of Cognitive Behavior Therapy* (t.tp: t.p., 2017), 105-114.

Perbahasan tentang neurosains antara otak lelaki dan perempuan mempunyai relasi yang kuat dengan perbahasan ahli tafsir berkaitan memori otak dalam bab kesaksian wanita di mana ia merujuk kepada justifikasi neurosains. Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya menjelaskan maksud (أن تضل) iaitu, "jika salah seorang saksi wanita itu lupa" membawa tafsiran bahawa salah seorang saksi wanita itu ingat satu bahagian dan lupa pada satu bahagian yang lainnya, lalu ia kebingungan sehingga akhirnya membawa kepada kekeliruan. Maka ketika itu, saksi wanita yang kedua akan mengingatkannya bahagian yang terlupa.<sup>46</sup>

Menurut Hamka dalam tafsiran ayat 282 Surah al-Baqarah menyatakan, "pengetahuan tentang urusan hutang-piutang, pajak gadai, cagaran, kontrak sewa beli dan seumpamanya yang memerlukan kepada kesaksian tidaklah sama di antara lelaki dan perempuan. Umumnya urusan seumpama ini lebih jelas difahami oleh lelaki. Oleh kerana itu, keperluan kepada dua saksi wanita lebih baik supaya salah seorang dapat mengingatkan yang lain dalam perkara yang kurang jelas. Adapun dalam hal kehormatan dan kemuliaan diri samalah hak perempuan dan lelaki".<sup>47</sup> Sementara dalam tafsir moden karangan Wahbah al-Zuhayli iaitu *Tafsir al-Munir*, menjelaskan (أن تضل) iaitu, "jika salah seorang saksi wanita itu lupa" bermaksud jika salah satunya lupa kerana kurang teliti dan kurang memperhatikan terhadap apa yang dipersaksikan, maka seorang lagi (yang ingat) boleh mengingatkan yang saksi yang lupa.

Kesimpulannya, adalah jelas terdapat perbezaan ketara di antara lelaki dan wanita dari sudut neurosains seperti struktur dan saiz otak, fungsi bahagian otak dan fungsi endokrin. Lelaki lebih dominan berbanding wanita

---

<sup>46</sup> Al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* 3 (Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah, 1964), 397.

<sup>47</sup> Hamka, *Tafsir al-Azhar* 3, 110.

untuk kebolehan kognitif visuospasial dan memori tetapi wanita lebih cekap untuk kebolehan fungsi kognitif melibatkan bahasa. Lelaki berisiko lebih tinggi berbanding wanita menghadapi penyakit strok, neurodegeneratif dan kardiovaskular. Hormon estrogen pada wanita "child-bearing age" bersifat protektif untuk penyakit strok, neurodegeneratif dan kardiovaskular namun risiko meningkat apabila wanita telah menopause. Bukti saintifik dari sudut neurosains seperti dijelaskan di atas dapat menolak ideologi kesamarataan antara lelaki dan wanita namun menunjukkan perbezaan sensitiviti fungsi kognitif di antara lelaki dan wanita.

### **Penolakan Ideologi Kesamarataan: Perbezaan Emosi antara Lelaki dan Wanita**

Terdapat perbezaan dalam pengurusan emosi antara lelaki dan wanita.<sup>48</sup> Menurut *Kamus Dewan*, emosi bermaksud, "perasaan jiwa (batin) yg kuat seperti sedih, marah," "keadaan perasan atau fikiran yang terangsang dan melibatkan perubahan psikologi dan fisiologi pada seseorang," "perasaan jiwa yang kuat, seperti sedih, gembira, takut, dan lain-lain."<sup>49</sup>

Oleh yang demikian, perbezaan sebahagian hukum hakam dalam Islam yang ditaklifkan kepada lelaki dan wanita adalah kerana faktor biologi dan psikologi yang berbeza antara keduanya termasuklah aspek emosi.<sup>50</sup> Wanita diciptakan lebih lemah daripada lelaki dari segi fizikalnya, tetapi dominan dalam empati dengan sifat-sifat

---

<sup>48</sup> Najah et al., "Wanita dan Pengurusan Emosi Melalui Pengkisahan Maryam dalam al-Quran," *International Journal of Islamic Thought* 17 (2020), 91.

<sup>49</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=emosi>

<sup>50</sup> Yusuf al-Qardawi, *Markaz al-Mar'ah fi al-Hayat al-Islamiyyah* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996) 8; Rozi Bainun, *Wanita: Penghapusan Diskriminasi dari Perspektif Islam dan Undang-Undang Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 169.



tertentu seperti sabar, lemah lembut, kasih sayang, sensitif dan kasihan belas, diberi tugas melayani suami, mengandung, melahirkan, menyusui dan mendidik anak-anak. Oleh itu, wanita cenderung mengurus emosi dengan cara meluahkan perasaan dan mendapatkan sokongan sosial ketika tekanan. Manakala golongan lelaki pula, menguruskan emosi dengan menzahirkan kekuatan fizikal dan perasaan marah.<sup>51</sup>

Emosi yang berpaksikan ketauhidan dapat mendorong dan mengawal tingkahlaku manusia dengan neraca baik dan buruk sekaligus membawa kepada ketenangan dan kesejahteraan hidup.<sup>52</sup> Berdasarkan faktor perbezaan menguruskan emosi antara lelaki dan wanita ini, jelaslah bahawa perbezaan sebahagian hukum hakam Islam kepada golongan wanita adalah adil, rahmah dan saksama. Justeru, Allah SWT tidak menggalaskan sesuatu hukum yang membebankan wanita seperti kewajipan berjihad, mencari nafkah, menjadi imam, wali, hak perceraian, poligami dan seumpamanya. Maka, dakwaan wujudnya unsur bias gender dalam hukum Islam sebagaimana yang didakwa oleh pejuang ideologi kesamarataan adalah hujah yang dangkal.

### **Bias Gender dalam Hukum Islam**

Antara dakwaan golongan yang melaungkan ideologi kesamarataan adalah wujudnya bias gender dalam hukum Islam seperti hak wanita menjadi imam solat kepada makmum lelaki, hak perceraian, aurat dan pembahagian harta pusaka. Antara pendirian mereka, perempuan wajar menjadi imam bagi jemaah yang terdiri daripada lelaki dan wanita. Mereka menganggap konsep perempuan mengimami solat jemaah yang terdiri daripada lelaki dan perempuan itu tidak bertentangan dengan al-Qur'an dan

---

<sup>51</sup> Najah et al., *Wanita dan Pengurusan Emosi*, 91.

<sup>52</sup> *Ibid.*, 91.

sunnah. Bahkan, tiada satupun ayat al-Qur'an didakwa melarang perempuan berbuat demikian.<sup>53</sup>

Bias gender juga terdapat dalam isu berkaitan ketaatan isteri terhadap suami. Golongan ini mengatakan bahawa al-Qur'an tidak memerintahkan para isteri supaya taat dan patuh kepada suaminya. Sebaliknya, al-Qur'an hanya menyatakan bahawa wanita yang baik bersifat *qanitat* (mempunyai *qunut*). *Qunut* tidaklah membawa maksud sifat ketaatan isteri terhadap suaminya akan tetapi ia membawa maksud sifat merendah diri terhadap Allah SWT.<sup>54</sup>

### Hujah Berdasarkan Perspektif Naqli

Penetapan hukum-hakam dalam Islam mempunyai falsafahnya yang tersendiri. Falsafah ini sebenarnya sudah cukup untuk dijadikan hujah bagi menolak ideologi yang berpendirian terdapat bias gender dalam penetapannya. Secara ringkasnya falsafah penetapan hukum dalam Islam boleh dibahagikan seperti berikut:

a. Islam agama yang adil

Allah sebagai Pencipta Maha Mengetahui keperluan dan kehendak setiap makhlukNya. Dia Maha Bijaksana dalam menentu dan menetapkan keperluan ini sesuai dengan tabiat semula jadi makhluk tersebut. Allah berfirman dalam surah al-A'la 87:1-3:

سَبِّحْ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى ۝<sup>١</sup> الَّذِي خَلَقَ فَسَوَّى ۝<sup>٢</sup>  
وَالَّذِي قَدَّرَ فَهَدَى ۝<sup>٣</sup>

Terjemahan: "Bertasbihlah mensucikan nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi (dari segala sifat-

<sup>53</sup> AD. Eridani ed., *Modul Pengkaderan Ulama Perempuan: Perspektif Kesetaraan* (Jakarta: Rahima, 2011), ix-xi; Amina Wadud, *Qur'an and Woman*, x.

<sup>54</sup> Puteri Islam, *Adakah Islam Membenarkan Suami Memukul Isteri?* ed. Nik Noriani Nik Badlishah (SIS Forum (Malaysia): Kuala Lumpur, 2009), 14.

sifat kekurangan). Yang telah menciptakan (sekalian makhlukNya) serta menyempurnakan kejadiannya dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya. Dan Yang telah mengatur (keadaan makhluk-makhlukNya) serta memberikan hidayat petunjuk (ke jalan keselamatannya dan kesempurnaannya).”

Menurut al-Qardawi dan Hamka, penciptaan lelaki dan wanita adalah berdasarkan peranan masing-masing yang saling lengkap melengkapi satu sama lain. Malah dapat pentaklifan syariat antara lelaki dan wanita juga adalah sama melainkan sekiranya wujud pengecualian yang bersandarkan nas. Hikmah pengecualian ini juga berbalik kepada kesempurnaan penciptaan lelaki dan wanita. Ini adalah dalil konkrit menzahirkan keadilan Allah SWT atas semua ciptaannya.<sup>55</sup>

b. Takwa sebagai penanda aras

Allah SWT menilai kedudukan seseorang hamba menerusi tahap takwanya tanpa mengira jantina. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat 49:13:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَمُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ

حَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Terjemahan: “... Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam

---

<sup>55</sup> Al-Qardawi, *Min Fiqh al-Dawlah*, 217-218; Hamka, *Tafsir al-Azhar*, 256.

PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).”

Menurut al-Tabari, ayat ini menjelaskan bahawa taqwa tidak diukur dengan kekayaan, keturunan, lelaki mahupun wanita, tetapi melalui amal salih yang dilakukan sesuai dengan peranan dan tanggungjawab yang telah digarisikan Allah SWT kepada lelaki dan wanita. Menerusi ayat ini juga, difahami bahawa Allah SWT menegaskan pengkelasan antara lelaki dan wanita hanyalah supaya lebih senang dikenali. Sedangkan kedudukan masing-masing di sisi Allah akan ditentukan mengikut apa yang mereka lakukan secara persendirian.<sup>56</sup>

c. Kesesuaian pensyariatkan hukum berdasarkan gender Setiap daripada lelaki dan wanita mempunyai kedudukan dan keistimewaan yang tersendiri. Justeru, syariat yang ditetapkan oleh Islam bukan sahaja mampu dilaksanakan oleh mereka, bahkan seperti yang difirmankan Allah dalam surah al-Nisa' 4:32:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ  
لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ  
مِّمَّا كَسَبْنَ وَسَعُؤُاَ لِلَّهِ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّا لِلَّهِ كَانِ  
بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٣٢﴾

Terjemahan: “Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat

---

<sup>56</sup> Paizah Ismail, *Wanita Status Sosial & Undang-Undang Islam* (Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd., 2010), 18.

kebesaran). (Kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusahaahlah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

Hukum-hakam dalam syariat Islam sentiasa meraikan emosi dan biologi lelaki dan wanita. Fitrah kejadian wanita yang lebih berdominasikan *al-'atifah* (emosi) berbanding lelaki turut diberikan bimbingan dan tunjuk ajarnya dalam al-Qur'an. Misalnya tabiat wanita yang cenderung dengan perhiasan dan kekayaan dunia, dibimbing dalam surah al-Ahzab ayat 28-29 dengan menerangkan bahawa keredhaan Allah, rasul dan para mukminin lebih berharga daripada harta dunia dan perhiasannya. Begitu juga bimbingan al-Qur'an dalam mengawal sifat cemburu wanita dalam surah al-Tahrim ayat 4, kemelut rumahtangga sebagaimana yang direkodkan dalam surah al-Nur ayat 11-23 dengan menjelaskan langkah yang perlu diambil dan pengharapan bahawa pintu keampunan dan rahmat Allah sentiasa terbuka bagi mereka yang ingin bertaubat. Kisah seumpamanya dibawa dalam al-Qur'an, malah watak mereka adalah dalam kalangan isteri Rasulullah SAW dan para rasul. Melaluiimbangan Allah SWT dan RasulNya, mereka para *ummahat al-mu'minin* menunjukkan pilihan tepat, yang perlu dicontohi oleh para wanita sepanjang zaman.

Lelaki merupakan ketua rumah tangga yang bertanggungjawab memikul beban di dalam rumahtangga. Dialah yang wajib memberikan mahar, nafkah dan kewajipan-kewajipan lain. Umumnya lelaki lebih berfikiran jauh dan mengetahui tentang akibat daripada sesuatu perbuatan dan lebih banyak bertahan, kurang

terpengaruh berbanding wanita. Hingga selayaknya jika hak penceraian berada di tangannya<sup>57</sup> sebagaimana yang difirmankan Allah SWT dalam surah al-Nisa' 4:34:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ  
عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ﴿٣٤﴾

Terjemahan: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka."

### Hujah Berdasarkan Perspektif Neurosains

Sayyid Qutb menyatakan bahawa syariat mengutamakan lelaki kerana lazimnya mereka yang melakukan tugas besar dalam masyarakat. Sedangkan wanita tidak perlu turut serta kerana ia akan menghilangkan sifat keibuan, kewanitaan dan kewajipannya yang lebih mulia iaitu mempersiapkan perkembangan anak sebagai generasi akan datang. Peranan ini selari dengan sifat kasih sayang dan empati yang tinggi pada wanita.<sup>58</sup> Berdasarkan teori empati-sistematik (*emphatizing-systemitizing theory*) mendapati otak lelaki lebih dominan kepada pemahaman dan pembuatan melibatkan sistem, otak wanita pula lebih dominan untuk empati.<sup>59</sup> Empati ialah kebolehan seseorang mengenalpasti emosi dan pemikiran individu

---

<sup>57</sup> Al-Qardawi, *Markaz al-Mar'ah*, 59.

<sup>58</sup> Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an* 1 (Beirut: Dar al-Shuruq, t.t.), 335-336.

<sup>59</sup> Baron-Cohen et al., *Understanding Other Minds: Perspectives from Developmental Social Neuroscience* (Oxford: Oxford University Press, 2013), 102-105.

lain dan bertindak balas sesuai dengan emosi individu tersebut. Dengan bahasa yang mudah, wanita berjiwa lebih lembut dan sensitif serta sesuai dengan tugas yang melibatkan emosi dan kasih sayang. Dominasi otak lelaki yang lebih sistematik melibatkan kebolehan menganalisa dan meneroka sesuatu yang baru melibatkan sistem, mengekstrak peraturan yang mengawal tingkahlaku sesuatu sistem, serta berkeupayaan membina sistem baru.

Dalam konteks ayat 282 surah al-Baqarah turut menjelaskan justifikasi emosi dan empati wanita yang tinggi sebagaimana firmanNya yang bermaksud: "... jika salah seorang saksi wanita itu lupa maka saksi yang seorang lagi boleh mengingatkannya." Sayyid Qutub mengulas aspek empati dalam ayat ini dengan menerangkan tabiat empati wanita akan mempengaruhinya dalam kes kesaksian. Tabiat empati bagi wanita adalah sifat semula jadi mereka untuk menjalankan peranan keibuan secara biologi yang memerlukan perasaan dan kejiwaan yang tinggi. Seorang wanita harus sensitif dan empati bagi memenuhi keperluan anak secara cepat dan bersemangat tanpa menunggu pemikiran yang berproses. Ini termasuk kurniaan Allah kepada wanita dan anak. Sedangkan dalam kes kesaksian dan transaksi hutang-piutang perlu dihindarkan daripada elemen empati dan tidak dipengaruhi oleh perasaan.<sup>60</sup> Justeru dengan adanya 2 saksi wanita, ia adalah jaminan supaya saling ingat mengingatkan agar tidak dipengaruhi oleh elemen empati salah seorang daripada mereka<sup>61</sup>.


Rajah 2 berikut menunjukkan perbezaan penerimaan informasi pada otak lelaki dan perempuan yang menatijahkan kepada perbezaan respon antara keduanya<sup>62</sup>.

---

<sup>60</sup> Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an* 1, 336.

<sup>61</sup> *Ibid.* 1, 336.

<sup>62</sup> Madhura Ingalhalikar et al., "Sex Differences in the Structural Connectome of the Human Brain," *Biological Sciences* 111(2) (2013), 823-828, <https://www.pnas.org/doi/10.1073/pnas.1316909110#fig03>



Rajah 2: Perbezaan informasi otak lelaki dan perempuan

Ujian psikologi menunjukkan lelaki lebih dominan ketika ujian rotasi mental dan membaca peta lokasi. Profesion seperti matematik, fizik, kejuruteraan yang memerlukan kebolehan bersistem yang tinggi lebih didominasi oleh kaum lelaki daripada wanita. Keupayaan otak lelaki yang dominan kepada sistem ini memberi kelebihan kepada kaum lelaki untuk menjadi pemimpin berbanding wanita. Namun begitu, ini bukan bermakna wanita tidak berkebolehan memimpin namun kepimpinan tertinggi contohnya yang melibatkan mobilisasi ketenteraan, infrastruktur dan kewangan adalah lebih sesuai dipegang oleh kaum lelaki. Kajian saintifik menunjukkan wanita lebih sensitif kepada ekspresi muka dan emosi. Wanita lebih baik mentafsir komunikasi non-verbal melalui ekspresi muka dan tona suara, mengenapasti perkara yang tersirat di sebalik yang tersurat, serta menilai karakter seseorang. Oleh yang demikian, wanita adalah berkemungkinan lebih sesuai memimpin institusi yang melibatkan pendidikan, sektor kesihatan dan kebajikan masyarakat. Malah ia tidak lari dengan peranan biologi yang diciptakan Allah kepada wanita.



## **Rumusan**

Kesimpulannya, analisis ideologi kesamarataan antara lelaki dan wanita menerusi pendekatan naqli (al-Qur'an dan Hadith) dan neurosains menghasilkan satu bentuk penghujahan yang konkrit. Hasil dapatan daripada gabungan penghujahan naqli dan neuro sains mendapati bahawa ideologi kesamarataan yang dibawa feminis sama sekali bertentangan dengan nas al-Qur'an, Hadith dan kajian neuro sains terhadap struktur dan fungsi otak manusia secara emosi dan mental. Secara tidak langsung ia menentukan pembentukan karakter yang berbeza antara lelaki dan wanita sesuai dengan fitrah ciptaan mereka. Malah, dengan gabungan peranan keduanya, ia saling melengkapi antara satu sama lain.

Penghujahan bersandarkan pembuktian ilmiah hari ini dilihat signifikan dengan apa yang terkandung dalam al-Qur'an dan Hadith. Justeru, kajian lanjutan dalam neuro sains dilihat dapat merungkai lebih banyak dan mampu menolak ideologi yang bercanggah dengan syariat Islam. Ini kerana Islam dan aspek ilmiah sama sekali tidak bercanggah, malah saling memperkuat antara satu sama lain.

## **Penghargaan**

Makalah ini mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Skim Geran FRGS: FRGS/FPQS/KPT/51120 yang bertajuk "Model Baharu Pengekstrakan Makna Kontekstual Hadis Peranan Wanita dalam Domain Kekeluargaan Berdasarkan Pendekatan Ontologi".

## **Rujukan**

Abdussalam Muhammad Shukri et al.. "Sisters in Islam's Quest for the Reinterpretation of the Qur'an and Hadith: An Analysis of Their Views on Equality, Women Judges, and Polygamy." *Jurnal Kajian Malaysia* 32(1) (2014): 55-80.

- AD. Eridani. *Modul Pengkaderan Ulama Perempuan: Perspektif Kesetaraan*. Jakarta: Rahima, 2011.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali bin Habib. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*, ed. Ahmad Mubarak al-Baghdadi. Kuwayt: Maktabah Dar Ibn Qutaybah, 1989.
- Amina Wadud. *Qur'an and Woman: Reading the Sacred Text from a Woman's Perspective*. New York: Oxford University Press, 1999.
- Anderson, Pamela Sue. *A Feminist Philosophy of Religion: The Rationality and Myths of Religious Belief*. Oxford: Blackwell Publishers, 1998.
- Baron-Cohen et al.. *Understanding Other Minds: Perspectives from Developmental Social Neuroscience*. Oxford: Oxford University Press, 2013.
- Bell et al.. "Males and Females Differ in Brain Activation during Cognitive Tasks." *Neuroimage* 30(2) (2006): 529-538.
- Biemiller A, Meichenbaum D.. *The Nature and Nurture of the Self-Directed Learner: The Evolution of Cognitive Behavior Therapy*. t.tp: t.p, 2017.
- Borgatta, E. F. & Montgomery, R. J. V.. *Encyclopedia of Sociology* 2. New York: Macmillan Reference, 2000.
- Hamka. *Tafsir al-Azhar*. Batu Caves: PTS Publishing Sdn Bhd, 2017.
- Harees, Lukman. *The Mirage of Dignity on the Highways of Human 'Progress': The Bystanders' Perspective*. Bloomington: AuthorHouseUK, 2012.
- Ibn Hazm al-Andalusi al-Qurtubi, Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad. *Al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*. Kaherah: Maktabah al-Khanji, t.t.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida' Isma'il bin Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. ed. al Arnaut, 'Abd al-Qadir. Riyadh: Dar al-Salam, 1994.

- Ingalhalikar, Madhura et al.. "Sex Differences in the Structural Connectome of the Human Brain." *Biological Sciences* 111(2) (2013): 823-828.
- KH. Husein Muhammad et. al.. *Dawrah Fiqh Perempuan Modul Kursus Islam dan Gender*. Cirebon: Fahmina Institute, 2006.
- Mc Ewen B. S. & Milner T. A.. "Understanding the Broad Influence of Sex Hormones and Sex Differences in the Brain." *Journal of Neuroscience Research* 95 (2017): 24-39.
- Mernissi, Fatima. *Women and Islam: An Historical and Theological Enquiry*. Oxford: Basil Blackwell, 1991.
- Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar al-Salam, 1419H.
- Mutawakil, M. Hajir. "Keadilan Islam dalam Persoalan Gender." *Jurnal Kalimah: Jurnal of Religious and Thoughts* 12(1) 2014: 67-90.
- Najah et al.. "Wanita dan Pengurusan Emosi Melalui Pengkisahan Maryam dalam al-Quran." *International Journal of Islamic Thought* 17 (2020): 90-100.
- Norzulaili Mohd Ghazali et al.. "Gerakan Pejuang Hak Wanita dan Metodologinya dalam Memahami Quran dan Sunnah: Kajian Terhadap Pertubuhan Sisters in Islam." Laporan Penyelidikan USIM PPPP (D)/2006.
- Paizah Ismail. *Wanita, Status Sosial & Undang-undang Islam*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd, 2010.
- Puteri Islam (SIS). *Adakah Wanita dan Lelaki Saksama di sisi Allah*. Kuala Lumpur: SIS Forum Malaysia Bhd, 1991.
- Al-Qardawi, Yusuf. *Min Fiqh al-Dawlah*. Mesir: Dar al-Shuruq, 2005.
- Al-Qardawi, Yusuf. *Wanita dalam Masyarakat Islam Menurut al-Quran dan as-Sunnah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayat Publishers, 2002.
- Al-Qardawi, Yusuf. *Markaz al-Mar'ah fi al-Hayat al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996.

- Qutb, Sayyid. *Fi Zilal al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. "Persoalan Gender di dalam Perundangan Islam di Malaysia: Suatu Analisis Ringkas". Dalam *Wanita dan Perundangan Islam*. ed. Raihanah Abdullah. Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd., 2001.
- Al-Razi, Muhammad Fakhr Din. *Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr, 2005.
- Rozi Bainon. *Wanita: Penghapusan Diskriminasi dari Perspektif Islam dan Undang-Undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.
- Ruigrok et al.. "A Meta-Analysis of Sex Differences in Human Brain Structure". *Neuroscience and Biobehavioural Reviews* (2014): 34-50.
- Siti Musdah Mulia. "Allah hanya Melihat Taqwa, bukan Orientasi Seksual Manusia". *Jurnal Perempuan* 58 (2008): 122-127.
- Al-Zarqani, Muhammad 'Abd al-Azim. *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, 1988.
- Al-Zuhayli, Wahbah. *Al-Tafsir al-Munir: Fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Beirut: Dar al-Fikr, 1991.